

Penggunaan nama Islam agenda mesyuarat raja-raja

Oleh ZULKIFLI JALIL

UM 2 1 MAR 2001

KUALA LUMPUR 20 Mac — Mesyuarat Majlis Raja Raja ke 188 selama dua hari mulai esok dijangka memberi tumpuan kepada isu penggunaan nama Islam pada pertubuhan termasuk parti politik

Keputusan majlis itu dinanti dengan penuh debaran kerana ia akan menjadi penentu tindakan susulan Pas iaitu satu satu

nya parti politik yang menggunakan perkataan Islam (Parti Islam SeMalaysia) sekiranya keputusan itu tidak memihak kepadanya

Sama ada perkataan Islam pada parti politik perlu digugur atau dibenarkan kini bergantung kepada keputusan Majlis Raja Raja

Mesyuarat majlis itu kali ini mendapat perhatian selepas ia mengemukakan permintaan pa

da awal tahun ini kepada Majlis Fatwa Kebangsaan agar mengkaji isu penggunaan nama Islam oleh pertubuhan dan membuat cadangan serta pandangan dari sudut syariah

Pada tahun lalu mesyuarat Majlis Raja Raja ke 185 pada 23 Mac telah bersetuju mengambil tindakan tertentu bagi menangani masalah perpecahan umat Islam yang berpunca daripada perbezaan politik

Mengulas mesyuarat esok Penolong Setiausaha Penyimpan Mohor Besar Raja Raja Sabtu Awab berkata jika adapun kenyataan untuk media pihaknya hanya akan mengeluarkannya pada Khamis iaitu keesokan harinya tetapi itupun berbentuk kenyataan umum sahaja

Behau bagaimanapun enggan mengesah atau menafikan sama ada isu penggunaan nama Islam

■ Lihat muka 4

Penggunaan nama Islam agenda mesyuarat raja-raja

pada pertubuhan akan menjadi salah satu agenda mesyuarat

Banyak dah laporan akhbar mengenai isu ini Saya tidak boleh beritahu apa agenda persidangan katanya ketika dihubungungi *Utusan* hari ini

Behau diminta mengulas sama ada isu penggunaan nama Islam pada pertubuhan akan dijadikan agenda persidangan Majlis Raja Raja di Istana Negara esok

Ahad lalu Presiden Pas Datuk Fadzil Noor berkata parti itu akan menentang sebarang usaha daripada mana mana pihak yang cuba menggugurkan perkataan Islam pada parti tersebut

Menurutnya tentangan akan dilakukan dengan pelbagai cara sama ada dalam dan luar Parlimen jika pengguguran nama Islam pada parti politik menjadi dasar kerajaan

Menurut Sabtu Pengerusi Majlis Raja Raja iaitu Sultan Tereng

ganu Sultan Mizan Zainal Abidin dijadual merasmikan persidangan yang bermula pada 10 30 pagi

Ditanya sama ada keputusan Majlis Raja Raja boleh dicabar di mahkamah atau Parlimen katanya kuasa majlis itu meliputi hal ehwal agama Islam yang tidak boleh dipersoal

Mengikut atur cara biasa kata behau Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan hadir selaku penasihat Yang di Pertuan Agong manakala Sultan dan Raja negeri lain diiringi oleh menteri besar masing masing

Kehadiran wakil kerajaan kecuali Perdana Menteri ke persidangan itu diperlukan jika di panggil bagi memberi penjelasan berhubung sesuatu perkara katanya

Dalam perkembangan berkaitan Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan Datuk Dr Ismail Ibra

him berkata pihaknya menghantar laporan kepada Majlis Raja Raja mengenai isu perkataan Islam pada pertubuhan

Ia dicapai hasil mesyuarat majlis berkenaan pada 15 Februari lalu yang membincangkan beberapa agenda termasuk isu berkenaan yang dirujuk kepada oleh Majlis Raja Raja

Bagaimanapun Dr Ismail enggan mengulas butiran keputusan Majlis Fatwa yang terkandung dalam laporan tersebut

Secara peribadi saya berpengetahuan penggunaan nama Islam pada pertubuhan tidak salah tetapi orang yang menyalahgunakan perkataan itu untuk kepentingan peribadi dan parti itulah yang bercanggah dengan agama katanya ketika dihubungi

Utusan difahamkan dalam laporan itu Majlis Fatwa Kebangsaan meminta Majlis Raja Raja menyatakan pendirian mengenai

bagaimana seseorang individu yang menjadi ahli parti politik boleh dijamin masuk syurga

Isu tuduhan sebuah parti politik terhadap pihak lain yang kononnya kafir biarpun pihak yang dituduh juga orang Islam turut dimasukkan dalam laporan

Sementara itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim berkata keputusan yang dibuat oleh Majlis Raja Raja jika ada perlu disusuli dengan perundangan

Keputusan itu masih belum muktamad dan jika tidak dikuatkuasakan dalam bentuk undang-undang ia akan tergantung

Oleh itu perkara tersebut mesti diterjemahkan dalam pin daan undang-undang sedia ada misalnya menerusi Akta Pertubuhan 1966 katanya

Tegas Rais setiap negeri perlu menerima keputusan majlis itu sebagai satu keputusan dasar